# Factsheet PEN01
# Kesalahan dan hukuman
# Pekerja, sukarelawan, pelajar dan orang yang bekerja sendiri

Malay | Bahasa Melayu

Berbagai hukuman dikenakan jika *Working with Children (Screening) Act 2004* (Akta) tidak dipatuhi. Factsheet ini memberi ringkasan kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengan pekerja, **sukarelawan**, **pelajar**, dan orang bekerja sendiri apabila melakukan kerja berkenaan kanak-kanak. Kata-kata sebenar yang digunakan bagi setiap kesalahan dapat dibaca dalam Akta.

Jika perlukan bantuan terjemahan atau interpretasi untuk penerangan dalam risalah ini, sila hubungi Translating and Interpreting Service (TIS National) 131 450.

| Kesalahan | Hukuman dan rujukan |
|---|---|
| • Melakukan kerja berkenaan kanak-kanak tanpa Kad WWC (Working with Children Card) yang berkuat kuasa, atau permohonan yang sedang menunggu keputusan | Denda $60,000 dan penjara selama 5 tahun.<br>Seksyen 24. |
| • Tidak memohon Kad WWC dalam masa 10 hari selepas mendapat notis bertulis daripada WWC Screening Unit yang menyuruh anda berbuat demikian | Denda $1,000<br>Seksyen 16(5) dan 17(4). |
| • Melakukan kerja berkenaan kanak-kanak padahal anda sudah ada **Negative Notice** atau **Interim Negative Notice** yang masih berkuat kuasa | Denda $60,000 dan penjara selama 5 tahun.<br>Seksyen 23. |
| • Menggunakan exemption sukarelawan kanak-kanak atau exemption sukarelawan ibu bapa padahal anda sudah ada Negative Notice atau Interim Negative Notice | Denda $60,000 dan penjara selama 5 tahun.<br>Seksyen 23. |

| Kesalahan | Hukuman dan rujukan |
|---|---|
| • Melakukan kerja berkenaan kanak-kanak jika:<br>○ sudah ada kad WWC yang berkuat kuasa, tetapi belum melakukan kerja berkenaan kanak-kanak dan<br>○ ada **relevant change** (perubahan relevan) dalam rekod jenayah anda sejak diberikan Kad WWC<br>tanpa memohon semula Kad WWC yang baharu | Denda $60,000 dan penjara selama 5 tahun.<br>Seksyen 31(2). |
| • Melakukan kerja berkenaan kanak-kanak padahal anda telah didakwa atau disabitkan bersalah **Class 1 offence** yang dilakukan, atau didakwa dilakukan, sebagai orang dewasa | Denda $60,000 dan penjara selama 5 tahun.<br>Seksyen 33. |
| • Tidak memberi notis bertulis kepada WWC Screening Unit tentang relevant change (perubahan relevan) rekod jenayah anda seberapa segera selepas perubahan itu.<br>Dikenakan jika anda:<br>○ ada Kad WWC yang berkuat kuasa<br>○ ada Kad WWC yang berkuat kuasa tetapi tidak melakukan kerja berkenaan kanak-kanak pada waktu itu<br>○ ada permohonan WWC Check yang sedang menunggu keputusan, atau<br>○ ada permohonan yang sedang menunggu keputusan untuk membatalkan Negative Notice | Denda $60,000 dan penjara selama 5 tahun.<br>Seksyen 28(2), 29(1), 30 dan 31(4). |

<table>
<tr><th>Kesalahan</th><th>Hukuman dan rujukan</th></tr>
<tr><td><ul><li>Tidak memberi notis bertulis kepada majikan/badan sukarela/badan pendidikan anda tentang relevant change (perubahan relevan) rekod jenayah anda seberapa segera selepas perubahan itu</li></ul>Dikenakan jika anda:<ul><li>pemegang Kad WWC atau</li><li>ada permohonan Kad WWC yang sedang menunggu keputusan</li></ul>Tidak dikenakan jika anda bekerja sendiri</td><td>Denda $60,000 dan penjara selama 5 tahun.<br>Seksyen 29(1) dan 32A.</td></tr>
<tr><td><ul><li>Tidak memberitahu majikan/badan sukarela/badan pendidikan secara bertulis tentang relevant change (perubahan relevan) rekod jenayah anda seberapa segera selepas perubahan itu, serta mengatakan anda telah memohon semula Kad WWC</li></ul>Dikenakan jika anda:<ul><li>sudah ada kad WWC yang berkuat kuasa, tetapi belum melakukan kerja berkenaan kanak-kanak</li><li>ada relevant change (perubahan relevan) dalam rekod jenayah anda sejak diberikan Kad WWC</li><li>ingin melakukan semula kerja berkenaan kanak-kanak, dan</li><li>telah memohon semula Kad WWC yang baharu</li></ul></td><td>Denda $60,000 dan penjara selama 5 tahun.<br>Seksyen 31(3).</td></tr>
<tr><td><ul><li>Tidak mematuhi arahan Authorised Officer (Pegawai Berkuasa).</li></ul></td><td>Denda $12,000 dan penjara selama 12 bulan.<br>Seksyen 34Q.</td></tr>
<tr><td><ul><li>Campur tangan atau melakukan sesuatu dengan benda yang disita oleh Authorised Officer</li></ul></td><td>Denda $12,000 dan penjara selama 12 bulan.<br>Seksyen 34T(5).</td></tr>
</table>

| Kesalahan | Hukuman dan rujukan |
|---|---|
| • Memberi maklumat palsu atau mengelirukan kepada:<br>○ majikan/badan sukarela anda sekarang atau bakalnya (yang menugaskan anda untuk kerja berkenaan kanak-kanak)<br>○ badan pendidikan anda<br>○ WWC Screening Unit atau<br>○ Authorised Officer | Denda $24,000 dan penjara selama 2 tahun.<br>Seksyen 35. |
| • Menghalang atau menghambat tugas Authorised Officer | Denda $12,000 dan penjara selama 12 bulan.<br>Seksyen 35A. |
| • Berpura-pura sebagai Authorised Officer | Denda $12,000 dan penjara selama 12 bulan. Seksyen 35B. |
| • Tidak memberitahu WWC Screening Unit tentang perubahan butir-butir diri seberapa segera selepas perubahan itu (lihat Factsheet APP02: Perubahan butir-butir diri, membetulkan butir-butir diri)<br>Dikenakan jika anda:<br>○ ada Kad WWC yang berkuat kuasa<br>○ ada permohonan Kad WWC yang sedang menunggu keputusan<br>○ ada permohonan yang sedang menunggu keputusan untuk membatalkan Negative Notice<br>○ tahu yang anda menjalani reassessment (penilaian semula) atau<br>○ mengalami apa-apa keadaan yang ditetapkan oleh *Working with Children (Screening) Regulations 2005* | Denda $5,000.<br>Seksyen 35C(2). |

| Kesalahan | Hukuman dan rujukan |
|---|---|
| • Tidak memulangkan Kad WWC anda seberapa segera yang praktikal selepas:<br>○ anda didakwa atau disabitkan bersalah Class 1 offence yang dilakukan, atau didakwa dilakukan, sebagai orang dewasa<br>○ anda diberikan Negative Notice atau Interim Negative Notice, atau<br>○ Kad WWC anda dibatalkan | Denda $12,000 dan penjara selama 12 bulan.<br>Seksyen 36. |

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au